

Buku pengalaman berkreatif tiada sambutan

Oleh Hafizah Iszahanid
hafiza@bharian.com.my

Di Malaysia, tradisi membukukan pengalaman kreatif belum mantap, walaupun buku sebegitu diterbitkan sehingga timbul persoalan wajarkah penyair membuat pengakuan proses kepengarangannya?

Ini kerana sesetengah penulis beranggapan ia adalah pengalaman peribadi, tiada yang istimewa dan hanya mengikut gerak hati dan secara tidak langsung menghasilkan puisi atau cerpen itu mudah.

Pensyarah Jabatan Bahasa dan Kemanusiaan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Shamsuddin Othman, melihat proses kreatif menggabungkan idea dan kata-kata.

“Ia dimantapkan dengan emosi dan gagasan pemikiran sebelum kejujuran serta keikhlasan berkarya menjadi penentu kelangsungan berkarya. Semua ini terpancar jika kita mengkaji buku *Pengakuan Penyair* yang menghimpunkan 34 penyair pelbagai latar belakang dan mewakili tiga zaman.

“Jika dilihat secara terperinci dalam naskhah ini, ada tiga jaluran penulis yang mendominasi zaman 1970-an, 1980-an dan 1990-an yang berada dalam daerah kepengarangan yang berbeza dengan disiplin penulisan yang berlainan.

“Misalnya sekitar 1970-an, kita melihat penulisnya lebih tersusun, tetapi mula berkecenderungan melanggar peraturan. Perbezaan itu menjadi faktor penolak dan penarik sesebuah karya,” katanya pada majlis Diskusi Buku Zaleha Hashim dan *Pengakuan Penyair*, di Akademi Pengajian Melayu (APM), Universiti Malaya (UM), baru-baru ini.

Baginya penghasilan buku sebegitu membantu proses kepengarangan penulis lain berdasarkan hakikat menjadi penulis yang baik memerlukan ikon, malahan seseorang itu tidak

layak menjadi penulis, jika tidak mengenal penulis nama besar.

“Kewujudan sekelompok penulis dengan karya picisan, tetapi mendapat tempat dalam pasaran menjejaskan pemikiran, budaya dan bahasa dengan gagasan penulis yang cetek. Sebagai penulis kita tidak boleh ‘syok’ sendiri. Saya bimbang dengan senario penulis menghasilkan empat novel setahun. Kecanggihan teknologi maklumat hari ini menyebabkan tren ‘copy paste’ berleluasa,” katanya ketika berkongsi *Pengakuan Penyair: Antara Pengalaman, Proses Kreatif dan Kearifan Berpuisi Penyair Pilihan*.

Penerima Anugerah Penulisan Asia Tenggara (SEA Write) 2004 dan Karyawan Tamu APM, Dr Zurinah Hassan pula ketika mengupas *Kapal Kertas dan Lautan Api: Analisis Penggunaan Unsur Alam*, membawa khlayak mendekati penulisnya, Siti Zaleha Hashim.

Bekas editor Dewan Sastera, Siti Zaleha Hashim, antara segeintir penyair wanita yang masih prolifik berkarya dan memiliki dua antologi puisi lain, iaitu *Kristal di Laut Bulan* pada 2006 dan *Camar di Cangkir Bumi* (1999).

“Siti Zaleha menerusi tiga antologi ini adalah wanita yang melalui zaman gadis, bercinta, berkahwin, beranak, selain perlambangan dan simbolisme dalam puisinya tidak berubah makna. Penggunaan unsur alam kekal sebagai suatu kebaikan. Justeru, sajak nukilannya sinonim dengan imej penulis itu yang penuh kelembutan dan unsur keibuan,” tegasnya.

Dr Zurinah menegaskan Siti Zaleha mampu bertahan kerana adanya interaksi, interpretasi dan integrasi dengan alam yang memberi makna tersendiri dalam perjalanan kehidupannya sebagai seorang penyair.

“Penyair menggarap pelbagai persoalan di sekitar kehidupannya termasuk persoalan keagamaan, ekonomi, sosial dan jati diri bangsa. Puisinya menjadi wadah menyampaikan peringatan, nasihat dan mesej kebaikan yang berlandaskan kepada ajaran Islam,” ujarnya.



Siti Zaleha (tiga dari kiri) menunjukkan karyanya kepada Dr Zurinah (kiri) dan Dr Shamsudin (tiga dari kanan).

[SHIRAZ ALI/BH]